



# KOPI PAHIT

Dalam masa hendak menerbitkan terjemahan bahasa

Melayu Rang Undang-undang Pertadbiran Hukum Islam di Singapura, A. Ghazali Ismail, dikatakan telah menyatakan bahawa beliau akan memerhati dan melihatnya sendiri terjemahan yang bakal disiarkan secepat mungkin itu. Setelah terjemahan disiarkan dan mendapat teguran yang hangat tentang terjemahan itu kedengaran pula ia berkata bahawa ia akan memerhatikannya – ertinya dahulu ia tidak campur di dalam terjemahan itu. Mana mahu dipakai? Yang memerhati dan mengikut akan apa yang dikata dan diucapkan mungkin akan berkata “lidah kan tak bertulang!”

\* \* \*

Terjemahan bahasa Melayu Rang Undang-undang Pertadbiran Islam 1966 Singapura didapati banyak salahnya dan mengelirukan. Ini tentunya menunjukkan kerajaan “taksir” dalam persoalan ini. Sepatutnya tidak bergopoh-gopoh dikeluarkan kerana bergopoh-gopoh itu hanya “syok” sahaja tetapi berakibat tidak memuaskan – akhirnya mahu cepat tetapi sekarang...ya tetapi lah...! Disusahkannya. Jadi kalau dah begitu tentunya. Adakah apa-apanya – ya apa-apanyalah.

\* \* \*

Ada diberitakan bahawa Jabatan Pengelola Haji campur untuk menganjurkan dan menunjukkan syeikh-syeikh orang-orang haji di Mekah. Kadang-kadang main paksa. Kalau betul ini mungkin pula kalau orang ingkar dan tidak mahu mengikut kehendaknya boleh jadi kelak orang itu akan disusahkannya. Jadi kalau dah begitu tentu. Adakah apa-apanya – ya apa-apanyalah

\* \* \*

Lima belas tahun dahulu rencana berturut-turut di dalam

majalah ini menelah bahawa jika Sukarno memerintah negara Indonesia akan hancur. Sekarang sudah hancur dan Sukarno mungkin sedikit demi sedikit kuasanya diambil kerana umat Indonesia sedar bahaya pemerintahannya sudah kuasa sedikit demi sedikit diambil mungkin tak berapa lama lagi nyawanya akan diambil! – Oleh siapa? Tengoklah!

\* \* \*

Komunis mulai disapu bersih di seluruh Indonesia oleh Suharto dan rakan-rakannya. Bagus! Syabas! Tetapi orang-orang masih belum dengar orang-orang yang anti-komunis yang ditahan dan anti-Karno yang mahukan Indonesia jadi Komunis tidak dikeluarkan. Ngapa diiii!

\* \* \*

Al-Rābiṭah al-‘Ālam al-Islāmī tahun-tahun mengadakan sidangnya di Mekah untuk membawa kebajikan kepada seluruh umat Islam. Al-Rābiṭah tentu berhajat apa-apa keputusan dilaksanakan tetapi nampaknya wakil-wakil Malaysia dan Singapura tahun-tahun pergi! Orang ramai tidak tahu apa pekerjaan yang diatur buat mereka dan apa usaha yang ditugaskan oleh al-Rābiṭah kepada wakil-wakil itu untuk dilaksanakan. Tentunya al-Rabiṭah wajib menyiasat supaya jangan wakil-wakil yang datang ke sana hanya memenuhi kerusi dan ambil “can”. “Can” apa? Tahu sama tahulah...! Kerja tidak perlu!

“Dato” ialah *title* yang diberi kepada orang yang berjasa kepada kerajaan. Datuk sekarang ada peringkatnya Dato’ yang diberi oleh kerajaan Malaysia dan ada pula Dato’ Negeri. Apabila seorang diberi gelaran Dato’ maka ternampaklah di hadapan namanya “Dato” seperti juga orang-orang pergi haji – ternampaklah nama “Haji” di hadapan namanya apabila ia pulang dari Mekah dan setelah menunaikan fardu haji. Ada pula orang-orang yang biasa sahaja tidak mahu dipakai Haji. Tetapi ada pula orang yang kalau tidak disebut “Dato” kepadanya ia marah-marah. Siapa? Tanya...